

MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Tuesday 21 May 2002 (afternoon)
Mardi 21 mai 2002 (après-midi)
Martes 21 de mayo de 2002 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Rédiger un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

Tulis sebuah ulasan mengenai *satu* daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

Di Kampung Baru, aku menjadi guru sekolah dan tinggal berjiran dengan Budin Biola. Joget Moden Bunga Tanjung itu, Budin Biola yang punya.

5 Budin menggesek biola lagu joget baru dan lama. Isterinya Midah menyanyi dan menari. Midah juga pandai menggesek biola kesayangan suaminya yang dipuja-puja bernama Bayu Senja. Midah memang seorang ratu joget tanah air yang terkenal dan pemimpin penari-penari joget di Pentas Impian Sukma. Mereka muda jelita belaka. Kerana aku seorang penulis dan penyair, kerap aku membantu menulis lirik untuk dinyanyikan sambil menari oleh Midah setiap malam.

Ada juga lirik-lirik lagu yang telah kutulis untuk nyanyian Midah masih aku ingat.

10 Satu kereta dua lembu,
Jalan semak ke Bukit Asahan;
Satu pelita dua sumbu,
Mana minyak boleh tahan.

15 Lirik ini pernah menjadi cemuhan kepada rakanku menari bernama Talib Kaya Kampung Baru yang beristeri dua.

Ada bawang itik melayang,
Tiada bawang itik meradang;
Ada wang adik sayang,
Tiada wang adik tendang.

20 Lirik ini ditujukan kepada penari-penari joget yang mata duitan tanpa berbudi bahasa. Entahlah kenapa ketika aku masih muda itu, aku tiada upaya menentang purnama mengambang penuh. Aku akan berasa resah gelisah duduk di rumah. Justeru, aku terpaksa keluar malam meninggalkan Bedah di rumah. Namun Bedah telah maklum tabiatku ini dan rela melepaskan aku tanpa banyak kerenah.

25 “Saya tahu abang keluar untuk mencari ilham menulis novel. Lagipun, saya percaya abang tak berjudi, bermabuk-mabuk; tak berfoya-foya dengan puteri joget,” kata Bedah dengan begitu ceria.

Kadang kala pernah juga Bedah bertanya ketika aku pulang ke rumah pada waktu malam.

30 “Dah dapat ilham untuk menulis, Bang Arif?”

“Dah. Tapi belum cukup,” jelasku. Dengan jawapan yang ringkas ini, aku terus bebas keluar malam. Kononnya untuk aku menyambung mencari ilham.

35 Sebenarnya, aku pergi ke Bukit Bintang. Di kawasan pentas joget, Pentas Impian Sukma, ada restoran untuk penari-penari menjamu selera. Juga untuk pelawat-pelawat yang ingin menonton penari berjoget dari dekat. Ramai juga seniman dan budayawan bangsa datang menari ataupun menonton sahaja untuk menyokong termasuklah pelancong-pelancong dari luar negeri.

40 Di restoran joget inilah aku dan rakan-rakan duduk melamun, berbual mesra sebelum naik menari ke pentas, gelak ketawa kerana ada antara kami yang pandai berbuat lelucon. Sebelum pukul 12:00 tengah malam, aku diminta oleh Bedah berada semula di rumah. Kalau terlewat, Bedah pasti merajuk cemburu.

Dewan tari-menari ala kabaret memang terus ditutup semasa pemerintahan Jepun. Lagipun tetntera Jepun memang antibudaya Barat. Semua kaki menari terpaksa datang berjoget di Pentas Impian Sukma. Budin Biola mendapat pendapatan yang lumayan.

Dipetik daripada, Maaruf Mahmud, “Pentas Impian Sukmaku”, *Sayembara X*, 1999

- Huraikan pendapat kamu tentang watak Arif.
- Bincangkan latar masa dan tempat yang digambarkan dalam petikan ini.
- Bandingkan pemaparan dua watak wanita dalam petikan ini, iaitu Midah dan Bedah.
- Apakah unsur bahasa dan sastera yang menarik yang terdapat dalam petikan ini?

1. (b)

Renungan 40

I

19 Mei 1978

engkau datang pada detik bening menurun
menunjukkan padaku

5 genap usia empat puluh tahun

Ketika itu

aku telah terlalu lupa

waktu-waktu lewat dengan perasaan luka
yang dapat kubilang dalam renungan

10 sekadar beberapa kali percubaan
bangkit menguasai diri

tetapi dalam usia-usia yang muda

darah menjadi marah dan gada-gada menjadi merah
kelembutan tak datang bersama angin yang berang

15 dan bijaksana tak pernah menemani perjalanan hari
jadilah aku seperti aku yang pernah dilemparkan

II

Hari ini

semenjak pagi telah kurasakan diriku

20 gegaran yang padah meranap ke dasar nurani
aku menjadi sepi dan basah

bagaikan batu-batu yang sekian lama terendam

Kudapatkan anak-anakku yang menjadi remaja

kukatakan: hari ini telah kumakamkan detik waktumu

25 kudatang pada jinjang yang mendekati hari-hari panggilan
betapapun engkau harus mendepani cabaran

kerana ia menyediakan engkau kebijaksanaan dan keberanian

Sesekali datanglah padaku

yang bersimpuh dan sujud dengan ucapan tanpa suara

30 untuk kuperkenalkan erti kedewasaan dan hidup jauh
sebab ia tidak dapat ditafsirkan dengan kata-kata.

Yahya Chin, 1978

- Bincangkan nada sajak ini.
 - Apakah sikap penulis tentang masa hadapannya?
 - Kenapakah penulis menyeru supaya “sesekali datanglah padaku”?
 - Apakah imej-imej berbeza yang ditonjolkan dalam sajak ini.
-